

# Tra sumber inspirasi

SAFRI ALI

KUCHING, Rabu — Kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Dato Sri Tra Zehnder wajar dijadikan sumber inspirasi di kalangan kaum wanita di negeri ini, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang.

Berucap di majlis pelancaran Buku "Tra Zehnder: Iban Woman Patriot of Sarawak" di salah sebuah hotel terkemuka di sini hari ini, Jabu menyifatkan Dato Sri Tra Zehnder bukan nama asing di Sarawak dan usaha yang dilakukannya selama ini tanpa mengenal erti putus asa telah memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhan di negeri ini.

Menurutnya, jasa yang telah dicurahkan untuk membantu masyarakat Iban akan menjadi sejarah yang akan dikenang sampai bila-bila.

"Dato Sri Tra Zehnder adalah contoh kepada pejuang masyarakat Iban yang sejati. Jasanya cukup besar, dia adalah pemimpin peringkat akar umbi yang banyak membantu masyarakat Iban yang menetap di luar bandar dan dalam masa sama memberi sumbangan kepada negeri," katanya.

Antara pencapaian yang telah dicapai Dato Sri Tra Zehnder ialah menjadi wanita pertama yang menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sarawak, Termengong dan Ketua kepada Majlis Adat Istiadat.

Berdasarkan kepada sumbangan besar yang telah ditunjukkan selama ini Dato Sri Tra Zehnder mesti dijadikan contoh untuk terus memperkasakan kaum wanita dalam pelbagai bidang, tegasnya.

"Kepimpinan yang ditunjukkan oleh Dato Sri Tra Zehnder bukanlah untuk kepentingan sendiri tetapi untuk semua. Berdasarkan apa yang telah disumbangkan oleh Dato Sri Tra Zehnder dia adalah pejuang sejati Iban yang tiada tolok bandingnya," ujarnya.

Beliau turut berharap sikap kepimpinan yang telah ditunjukkan oleh Dato Sri Tra Zehnder akan terus menjadi ikutan dan panduan kaum wanita untuk mencapai impian menjadi sebuah negeri yang maju.

Katanya, untuk terus maju kaum wanita mesti menggembungkan kerjasama bersama kaum lelaki dan bijak mencari peluang yang boleh meningkatkan keupayaan masing-masing.

"Kita mahu agar lebih ramai kaum wanita boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan lelaki memandangkan sudah ramai kaum wanita yang mendapat pendidikan yang tinggi pada hari ini," tambahnya.

Dalam pada itu, beliau menyambut baik inisiatif yang telah dilakukan oleh pihak Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk membukukan perjuangan yang telah dilakukan oleh Dato Sri Tra Zehnder.

"Adalah menjadi harapan kita akan lebih banyak buku akan dihasilkan untuk merekodkan sumbangan yang mereka yang telah berjasa dalam pelbagai bidang pada masa akan datang," katanya.

Buku biografi berkenaan adalah hasil tulisan Dr Hew Cheng Sim dan Profesor Rokiah Abdul Talib melalui penyelidikan yang dijalankan.

Hadir sama ialah Pengurus Lembaga Pengarah UNIMAS Dr Hatta Solhi dan Naib Canselor UNIMAS Datuk Prof Dr Khairuddin Ab Hamid.

"Dia adalah pemimpin peringkat akar umbi yang banyak membantu masyarakat Iban yang menetap di kawasan luar bandar dan dalam masa yang sama memberi sumbangan kepada negeri Sarawak."

DATUK PATINGGI  
TAN SRI ALFRED JABU  
Timbalan Ketua  
Menteri Sarawak



**RAKAM KENANGAN ...** Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu ditemani Datuk Prof Dr. Khairuddin Abdul Hamid serta ahli keluarga Dato Sri Tra Zehnder merakamkan gambar kenangan bersama-sama Dato Sri Tra Zehnder pada majlis pelancaran buku Tra Zehnder – Iban Woman Patriot of Sarawak" di Kuching semalam. Turut bersama penulis buku, Hew Cheng Sim dan Rokiah Talib. • MUHAMMAD RAIS SANUSI